

28 MAR 2001

PATA-Jamuan

JAMUAN MAKAN UNTUK RAIKAN DELEGASI PATA

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Seramai 3,000 orang yang membabitkan delegasi, anggota media tempatan dan asing akan diraikan pada jamuan malam sempena persidangan tahunan Persatuan Pelancongan Pasifik Asia (PATA) di sini bulan depan.

Pengarah eksekutif Persatuan Hotel Malaysia Sarjit Singh berkata jamuan itu dianjurkan oleh 16 buah hotel di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam.

"Jamuan Selamat Datang" itu dijadualkan pada 8 April di Esplanade Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini.

Sarjit berkata 25 makanan popular Malaysia seperti mi goreng, kuey teow, tandoori, roti jala, roti canai, tosai dan teh tarik akan disediakan.

"Setiap hotel mempunyai gerai yang menyediakan pelbagai jenis makanan ala penjaja," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Sempena jamuan itu, Lembaga Penggalakan Malaysia turut mempersembahkan pertunjukan kebudayaan pelbagai kaum etnik Malaysia, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan lima hari itu yang dijangka dihadiri kira-kira 2,000 delegasi daripada 70 buah negara mulai 8 April.

Sarjit berkata Yang di-Pertuan Agung Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Dr Mahathir dijadual menghadiri jamuan berkenaan.

Beliau berkata 12 hotel yang menyertai PATA, memperuntukkan 880 bilik untuk delegasi dan pegawai lain pada persidangan itu selain menyediakan kemudahan bantuan kepada peserta.

Bilik-bilik komplementari juga disediakan untuk media asing oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, katanya.

Sarjit berkata MAH juga bekerja rapat dengan bahagian PATA Malaysia untuk menggalakkan lebih banyak hotel menyertai simposium sehari bertajuk "Conservation-Our Key to Future" yang akan diadakan sempena persidangan itu.

"PATA Malaysia bersetuju memberi kadar istimewa dan kami sedang berusaha mendapatkan penyertaan hotel-hotel," katanya.

MAH mempunyai kira-kira 400 anggota di seluruh negara.

-- BERNAMA

RV AZZ LAT